

U B885 AAB
MAHATHIR - EKONOMI

KUALA LUMPUR, 17 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN KAUM BUMIPUTERA BAHAWA PENGEKALAN PENGUSAHAAN DAN POTENSI UNTUK MENINGKAT DALAM EKONOMI, LEBIH PENTING DARIPADA MENCAPAI MATLAMAT 30 PERATUS PENYERTAAN MEREKA MELALUI DASAR EKONOMI BARU.

PERDANA MENTERI BERKATA, YANG PENTING BUKAN PENCAPAIAN MATLAMAT DASAR ITU SEBANYAK 30 PERATUS TETAPI SAMA ADA YANG DIPEROLEHI AKAN KEKAL DALAM TANGAN BUMIPUTERA DAN BERPOTENSI UNTUK MENINGKAT.

+MEREKA YANG MELIHAT DASAR EKONOMI BARU SEBAGAI PELUANG UNTUK KAYA HARI INI, WALAUPUN AKAN BANKRAP ESOK HARI, BUKANLAH ORANG YANG BOLEH MENJAYAKAN HASRAT DAN MATLAMAT DASAR ITU,+ KATANYA DALAM UCAPAN DASAR BERTEMAKAN +KEWIBAWAAN UMNO+ PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA, SETELAH 19 TAHUN PELAKSANAAN DEB, ANTARA KELEMAHAN DIKENAL PASTI SEHINGGA MENYEBABKAN ORANG MELAYU DAN BUMIPUTERA YANG LAIN TIDAK MENCAPAI KEJAYAAN IALAH SIKAP DAN NILAI MEREKA DALAM PENGURUSAN KEGIATAN EKONOMI.

OLEH ITU, KATANYA, WALAU APAPUN BENTUK DASAR EKONOMI SELEPAS BERAKHIRNYA TEMPOH DEB TAHUN DEPAN, TUMPUAN MESTILAH DIBERI KEPADA PEMBENTUKAN SIKAP DAN PENGAMALAN NILAI YANG SESUAI DENGAN PENGURUSAN YANG BAIK. -- LAGI.

1205MST 17 11 89

U B886 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, PENGUSAHAAN 20 PERATUS EKONOMI PADA MASA INI ADALAH HASIL USAHA KERAJAAN DAN JIKA PADA TAHUN 1991 KESEMUA ASET DISERAHKAN KEPADA INDIVIDU DAN SYARIKAT BUMIPUTERA, ASET ITU DIKHUATIRI BERPINDAH KE TANGAN BUKAN BUMIPUTERA DAN +KITA TIDAK AKAN MENCAPAI APA-APA KEJAYAAN YANG BOLEH DITUNJUKKAN SEBAGAI HASIL 20 TAHUN DEB.+

+ORANG MELAYU TIDAK SUKA KELEMAHAN MEREKA DIDEDAHKAN, TETAPI HAKIKATNYA IALAH SEMUA ORANG SERING MENYINDIR TENTANG KELEMAHAN KITA, BAHKAN MEREKA MEMPERALATKAN KELEMAHAN INI SEHINGGA MENJEJASKAN DASAR EKONOMI BARU,+ TAMBAHNYA.

KATA BELIAU, SESEORANG PENGURUS TIDAK LAGI AKAN DILANTIK KERANA IA SEORANG BUMIPUTERA, SEBALIKNYA BERDASARKAN KEMAMPUAN DAN KEUPAYAANNYA DI SAMPING MEMBERI LATIHAN AMALI +WALAUPUN TERPAKSA MELETAKKANNYA DI BAWAH PENGURUSAN BUKAN BUMIPUTERA+.

+MUNGKIN PROSES INI AKAN MEMAKAN MASA LAMA. KITA HARUS SABAR. ORANG ASING YANG MENJADI PENGURUS PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN BIASANYA SUDAH BERUMUR SEBELUM DIBERI TANGGUNGJAWAB BERAT.

+TERLALU RAMAI PENGURUS MELAYU DAN BUMIPUTERA YANG MUDA DAN YANG TIDAK CUKUP PENGALAMAN MEMEGANG JAWATAN-JAWATAN YANG AMAT BERAT,+ KATANYA. -- LAGI. .

1207MST 17 11 89

U B890 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 3 KUALA LUMPUR R R R

KATANYA, APA YANG AKAN DISYORKAN OLEH MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA (MPEN) MENGENAI DASAR EKONOMI SELEPAS 1990 BELUM DIKETAHUI DAN WAKIL UMNO DALAM MAJLIS ITU BERTANGGUNGJAWAB MENENTUKAN PERSEIMBANGAN TERCAPAI DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYENTUH TENTANG MATLAMAT 70 JUTA PENDUDUK MENJELANG TAHUN 2100, YANG MENURUT BELIAU, JIKA RAKYAT TIDAK BERJAGA-JAGA AKAN TERCAPAI PADA TAHUN 2030 IAITU 70 TAHUN LEBIH AWAL.

PERDANA MENTERI BERKATA, SEBENARNYA BERDASARKAN PERANGKAAAN 1985, KELAHIRAN ANAK PERLU DIKURANGKAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU MEMANDANGKAN PENINGKATAN BILANGAN PENDUDUK SEKARANG IALAH LEBIH 340,000 SETAHUN ATAU SEJUTA SETIAP TIGA TAHUN.

KATANYA, KEADAAN ITU BERMAKNA KERAJAAN PERLU MENINGKATKAN PERBELANJAAN SEKURANG-KURANGNYA SEBANYAK DUA HINGGA TIGA PERATUS SETAHUN UNTUK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEPERLUAN LAIN DI SAMPING PERBELANJAAN BIASA UNTUK PENTADBIRAN, GAJI DAN PENCEN.

+MASALAHNYA IALAH KERAJAAN TIDAK AKAN DAPAT MEMBEKALKAN WANG YANG CUKUP MELAINKAN EKONOMI NEGARA TERUS BERKEMBANG PESAT,+ KATANYA DAN MENAMBAH IA HANYA DAPAT DIHADAPI MELALUI KESTABILAN POLITIK DAN PERTAMBAHAN PELUANG PEKERJAAN. -- LAGI.

1232MST 17 11 89

U B893 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, MEMANDANGKAN KESAN BURUK KETIDAKSTABILAN POLITIK, KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK BERTINDAK TERHADAP MEREKA YANG CUBA MEMBANGKITKAN ISU PERKAUMAN DAN ISU-ISU SENSITIF LAIN.

KATANYA, SESEBUAH NEGARA MEMBANGUN TIDAK PERLU TERLALU LIBERAL SEMATA-MATA UNTUK MENJADI POPULAR KERANA JIKA KERAJAAN MELAYANI TUNTUTAN RAKYAT SECARA BERLEBIHAN, NEGARA AKAN MENJADI BANKRAP.

+UNSUR INI TERDAPAT SATU KETIKA DAHULU APABILA KERAJAAN BERHUTANG TERLALU BANYAK UNTUK PERBELANJAAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN KERANA PIHAK TERTENTU INGIN MENJADI POPULAR,+ KATANYA.

JIKA AMALAN INI DITERUSKAN MALAYSIA MUNGKIN TERMASUK DALAM SENARAI NEGARA YANG HAMPIR BANKRAP, KATANYA DAN MENAMBAH, SEJAK TAHUN 1984 KERAJAAN TELAH MENGURANGKAN PERBELANJAAN.

MENGENAI PELUANG PEKERJAAN, BELIAU BERKATA, DENGAN BILANGAN 17 JUTA RAKYAT DAN PERTUMBUHAN PADA KADAR LEBIH DUA PERATUS, SEBANYAK 340,000 PELUANG PEKERJAAN DIPERLUKAN SETIAP TAHUN. -- LAGI.

1241MST 17 11 89

D710

U B897 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 5 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, BUKANLAH MUDAH UNTUK MEWUJUDKAN PEKERJAAN ITU TETAPI +JIKA RAKYAT KITA TERKENAL KERANA RAJIN, TIDAK SUKA MENIMBULKAN MASALAH, KITA BUKAN SAHAJA DAPAT MENARIK PELABURAN DAN MENYEDIAKAN PELUANG PEKERJAAN, TETAPI PENDAPATAN PEKERJA JUGA AKAN MENINGKAT+.

KATANYA, MAJIKAN TIDAK AKAN KHUATIR AKAN KENAIKAN GAJI ASALKAN PRODUKTIVITI MENINGKAT KERANA DENGAN ITU KEUNTUNGAN JUGA MENINGKAT.

MEREKA YANG SUKA MENIMBULKAN SUASANA PERUSAHAAN YANG MENAKUTKAN PARA PELABUR BUKANLAH KAWAN PARA PEKERJA, JAUH SEKALI KEPADA MEREKA YANG MENGANGGUR, KATA PERDANA MENTERI DAN MENAMBAH, MEREKA SEBENARNYA MELAMBATKAN PROSES PENINGKATAN PENDAPATAN RAKYAT.

+SEBENARNYA KERAJAANLAH YANG MENJADI KAWAN KEPADA PEKERJA, KERAJAANLAH YANG BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENGADAKAN PELUANG PEKERJAAN DI DALAM DAN LUAR KERAJAAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERTAMBAHAN PENDUDUK BIASANYA MENYEBABKAN TARAF HIDUP MENURUN TETAPI JIKA RAKYAT BEKERJASAMA RAPAT DENGAN KERAJAAN, TARAF HIDUP TIDAK AKAN MENURUN BAHKAN MENINGKAT. -- LAGI.

1310MST 17 11 89

D713

U B899 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 6 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MEMBIDAS KALANGAN YANG +BERLAGAK+ SEOLAH-OLAH NEGARA INI SUDAH MENJADI NEGARA MAJU SEPerti DI EROPAH DAN AMERIKA UTARA DAN MENDESAK KERAJAAN MEMBEKALKAN KEMUDAHAN BERMUTU TINGGI SEPerti MAHUKAN RUMAH MURAH YANG BESAR DAN MEMPUYAI TIGA BILIK LENGKAP DENGAN BILIK MANDI.

MENURUTNYA, KEBANYAKAN PEKERJA DI NEGARA MAJU TIDAK MEMILIKI TEMPAT TINGGAL SENDIRI, HANYA SEKADAR MENYEWAKAN SEBUAH BILIK UNTUK TEMPAT TINGGAL, DAN APABILA PENDAPATAN MENINGKAT DAN BERKAHWIN, MEREKA HANYA MAMPU BERPINDAH KE TEMPAT TINGGAL DUA BILIK.

PERATUSAN RAKYAT NEGARA MAJU YANG MEMILIKI RUMAH SENDIRI ADALAH RENDAH BERBANDING DENGAN PENDAPATAN TINGGI YANG MEREKA PEROLEHI, TAMBAH BELIAU.

+SEBENARNYA DENGAN HARGA \$25,000 KITA TIDAK MUNGKIN MAMPU MEMBELI SEBUAH BILIKPUN DI KEBANYAKAN NEGARA MAJU DAN JUGA NEGARA TIDAK MAJU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

MENGENAI MASA HADAPAN NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA, MALAYSIA MEMPUYAI MASA DEPAN YANG CERAH DENGAN PERANCANGAN TERATUR YANG MENEKANKAN KEPADA ASPEK PEMBANGUNAN, ROHANI DAN JASMANI, DUNIA DAN AKHIRAT. -- LAGI
1316MST 17 11 89

D714

U B900 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 7 KUALA LUMPUR

+KITA BUKAN KOMUNIS, ATAU SOSIALIS ATAU KAPITALIS. KITA TIDAK EKSTRIM= YANG JERNIH KITA TERIMA, YANG KERUH KITA BUANG. KITA TIDAK TERKONGKONG DENGAN APA-APA IDEOLOGI.

+YANG KITA HENDAK IALAH SUPAYA SEMUA RAKYAT MALAYSIA HIDUP BAHAGIA, TERPELIHARA DARIPADA SEGALA MALA PETAKA CIPTAAN MANUSIA DAN DIHORMATI OLEH DUNIA,+ KATANYA.

APABILA MENYENTUH SOAL ISLAM, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PENTADBIRAN DI MALAYSIA TIDAK BERTENTANGAN DENGAN LUNAS-LUNAS ISLAM DAN KERAJAAN MENGAMBIL KIRA KEADAAN SEMASA, TERMASUK HAKIKAT BAHAWA RAMAI RAKYAT NEGARA INI BUKAN BERAGAMA ISLAM.

KATANYA, DALAM USAHA MENGEMBANGKAN SYIAR ISLAM, KERAJAAN SENTIASA BERSIKAP LIBERAL DAN TOLERANSI TANPA MENGGUNAKAN PAKSAAN, KERANA MENURUTNYA, YANG PENTING IALAH KESELAMATAN DAN KESEMPURNAAN MASYARAKAT.

DUA ORANG BEKAS PERDANA MENTERI IAITU TUNKU ABDUL RAHMAN DAN TUN HUSSEIN ONN ADALAH ANTARA TETAMU YANG MENGHADIRI PERHIMPUNAN ITU, DI SAMPING PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL. --
BERNAMA

1318MST 17 11 89